AmAssurance

auto365

THIRD PARTY FIRE & THEFT (TPFT) PREMIER

Polisi Kereta Persendirian Enhanced

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur, Malaysia.
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 800 88 6333 customer@amassurance.com.my www.amassurance.com.my

auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier

Insurans kereta persendirian berasaskan harga risiko khusus yang anda boleh miliki untuk kenderaan anda.

Kandungan:

1	Sepintas Lalu Insurans auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier – Rumusan Ringkas	1
2	Insurans auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier – Manfaat dan Ciri-Ciri Utama	2
3	Am Auto Assist 1 800 88 6333	3
4	Seksyen 1: Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda Sendiri	5
5	Seksyen 2: Liabiliti terhadap Pihak Ketiga	7
6	Seksyen 3: Manfaat Lain	8
7	Seksyen 4: Perlindungan Opsyenal	9
8	Seksyen 5: Diskaun Tanpa Tuntutan	10
9	Seksyen 6: Syarat-Syarat Am dan Tanggungjawab-Tanggungjawab Anda	11
10	Seksyen 7: Pengecualian Am	13
11	Seksyen 8: Tuntutan dan Apa yang Kami Bayar (Asas Penyelesaian Tuntutan)	16
12	Seksyen 9: Maklumat Lain yang Perlu Anda Ketahui	19
13	Seksyen 10: Definisi-Definisi	21

1 Sepintas Lalu Insurans auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier – Rumusan Ringkas

Siapa yang kami lindungi	• anda • pemandu yang dibenarkan anda
Kawasan yang kami lindungi	• Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam *Nota:* *Jika anda bercadang untuk memandu kenderaan anda ke Republik Singapura, anda dikehendaki dibawah undang-undang Republik Singapura untuk mempunyai 'Perlindungan liabiliti penumpang (PLP)' dan anda boleh membeli perlindungan ini di bawah 'perlindungan opsyenal' yang menyediakan perlindungan terhad bagi liabiliti anda terhadap kematian dan kecederaan tubuh badan penumpang.*
Tempoh kuat kuasa perlindungan	• berkuat kuasa dari masa pembelian perlindungan atau pada waktu mula yang dipersetujui, sehingga tarikh luput • tempoh diinsuranskan akan ditunjukkan dalam jadual dan dokumen polisi berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan kepada tarikh ini, ia akan ditunjukkan secara rasmi dalam endorsmen yang kami keluarkan
Apa yang kami insuranskan	• kenderaan anda untuk nilai dipersetujui seperti yang ditunjukkan dalam jadual; atau • kenderaan anda untuk nilai pasaran di mana jumlah tuntutan berdasarkan nilai pasaran tersebut akan ditentukan pada masa kerugian berlaku

Penggunaan kenderaan anda	• polisi anda melindungi anda jika kenderaan anda digunakan untuk tujuan 'sosial, domestik dan bersukaria dan juga urusan pemegang polisi' seperti yang anda isytiharkan. Ini jelas dinyatakan dalam sijil insurans di bawah subjek 'Had Penggunaan'
	• berikut adalah beberapa contoh bagaimana kenderaan anda boleh digunakan:
	  • untuk melawat saudara-mara dan kawan-kawan, pergi membeli-belah dan sebagainya
	  • untuk urusan niaga anda yang kami terima seperti ulang-alik dari tempat kerja dan berjumpa dengan para pelanggan

Apa yang kami bayar	Jika tuntutan anda diluluskan, maka kami akan pada pilihan kami: • sekiranya berlaku perlanggaran yang disebabkan oleh kesalahan sendiri, kami akan menentukan samada untuk membaiki kenderaan anda, atau membayar anda dalam bentuk tunai sehingga RM5,000 untuk setiap kejadian • sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian, kami akan menentukan samada untuk membaiki kenderaan anda, atau membayar anda dalam bentuk tunai bagi kerosakan terhadap kenderaan anda, atau membayar anda nilai dipersetujui atau nilai pasaran apabila berlaku kerugian menyeluruh, atau mengembalikan atau mengganti kenderaan anda dengan kenderaan yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya • membayar bagi sebarang kematian, kecederaan badan atau kerosakan harta yang dialami oleh mana-mana pihak ketiga dan kos guaman yang dipertanggungkan ke atas anda atau pemandu dibenarkan anda dibawah undang-undang • membayar sebarang manfaat perlindungan opsyenal yang anda tambah kepada polisi anda • menolak sebarang jumlah yang berkenaan bagi polisi, contohnya ekses

Insurans anda melindungi	• kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda sendiri akibat:
	  • berlanggar atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
	  • berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
	  • berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
	  • kebakaran, letupan atau disambar kilat
	  • pecah masuk, pecah rumah atau kecurian
	• liabiliti kepada pihak ketiga
	• manfaat-manfaat lain
	• perlindungan opsyenal (anda boleh menambah perlindungan jika anda membayar premium tambahan untuk ini)

Insurans anda <u>tidak</u> melindungi	Polisi ini <u>tidak</u> melindungi anda terhadap sebarang kerosakan kepada kenderaan anda seperti yang dinyatakan di dalam jadual dan seksyen-seksyen di bawah: • Seksyen 1 – lihat seksyen 'Tidak melindungi' • Seksyen 2 – lihat seksyen 'Tidak melindungi' • Seksyen 3 – lihat seksyen 'Tidak melindungi' • Seksyen 4 – lihat seksyen 'Tidak melindungi' • Seksyen 7 – lihat seksyen 'Pengecualian Am'

Nota:

1. *Sila ambil perhatian bahawa polisi anda hanya bermula dari halaman 4 dan seterusnya. Bagi membantu anda membaca dan memahami polisi anda dengan lebih mudah, kami menyediakan beberapa nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh yang ditulis dalam huruf condong (italic). Nota penerangan ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada polisi dan tidak boleh digunakan bagi mentakrif kontrak insurans anda jika berlaku apa-apa pertikaian.*
2. *Perkataan huruf tebal*
   *Anda akan dapat perhatikan terdapat beberapa perkataan dalam polisi ini dicetak dalam huruf **tebal**. Ini adalah kerana perkataan-perkataan tersebut diberikan makna yang khusus dalam polisi anda. Sila rujuk Seksyen 10 polisi ini bagi makna perkataan-perkataan tersebut.*

2 Insurans auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier – Manfaat dan Ciri-Ciri Utama

Jadual ini memberikan anda ringkasan insurans yang kami tawarkan. Dalam susunan kata polisi ini, kami memberikan butiran penuh tentang perlindungan dan sebarang had, pengecualian dan syarat yang mungkin dikenakan. Untuk mengetahui jenis perlindungan yang telah anda beli, anda boleh menyemak jadual yang telah kami keluarkan kepada anda.

Perlindungan insurans anda

Kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda sendiri akibat: • Berlanggar atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian • Berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian • Berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian • Kebakaran, letupan atau disambar kilat • Pecah masuk, pecah rumah atau kecurian	
Liabiliti terhadap pihak ketiga	
Manfaat lain	Pemandu tambahan
	Bantuan penundaan sekiranya berlaku perlanggaran (sehingga 200km)
Perlindungan opsyenal	Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang
	Perluasan perlindungan ke Negara Thailand
	Perluasan perlindungan ke Kalimantan
	Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai
Ciri-ciri tambahan	Talian bantuan auto

3 Am Auto Assist 1 800 88 6333

Talian bantuan kami memberi bantuan kenderaan yang boleh didapati oleh anda untuk 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Anggaplah kami sebagai 'rakan perjalanan anda' pada bila-bila masa anda memerlukan bantuan.

Hubungi Kami Dahulu apabila anda memerlukan yang berikut:

- perkhidmatan menunda untuk kemalangan jalan raya
- perkhidmatan bantuan kemalangan untuk membantu mempercepatkan tuntutan anda
    - pakar kami yang berdedikasi akan ditugaskan di tapak kemalangan untuk membantu anda mengemukakan tuntutan awal
    - pakar kami akan mengambil gambar kenderaan dan mengumpulkan maklumat yang diperlukan
    - pemprosesan tuntutan akan bermula serta-merta dan dilakukan secara serentak sambil kenderaan anda menjalani proses formal lain
    - pertanyaan berkaitan polisi dan tuntutan

auto365
THIRD PARTY FIRE & THEFT (TPFT) PREMIER

Polisi Kereta Persendirian Enhanced

DUTI SETEM DIBAYAR

Kontrak Insurans Anda

Kontrak insurans **anda** dengan **kami** merangkumi dokumen-dokumen seperti berikut:

- **Jadual**
- **Sijil Insurans (CI)**
- mana-mana **Endorsmen** yang dilampirkan pada **polisi**
- **polisi** insurans pada halaman 4 hingga 23 (kecuali teks dalam huruf condong)
- apa-apa maklumat yang diberi oleh **anda** kepada **kami** semasa **anda** memohon insurans ini dan mana-mana maklumat berikutannya

Kesemuanya hendaklah dibaca bersekali kerana ia merupakan kontrak insurans **anda**.

Kontrak Insurans Pengguna & Kontrak Insurans Komersial

1. Jika **kenderaan anda** digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:

   Kontrak Insurans Pengguna
   Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran premium seperti yang ditentukan dalam **jadual** dan berdasarkan jawapan yang **anda** berikan dalam borang cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) serta lain-lain pendedahan yang **anda** buat di antara waktu borang cadangan diserahkan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak insurans di antara **anda** dan **kami**. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **anda** berikan di peringkat pra-kontrak, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

   Polisi ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans yang dipersetujui di antara **anda** dan **kami**.

2. Jika **kenderaan anda** digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:

   Kontrak Insurans Komersial
   Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan bayaran premium seperti yang ditentukan dalam **jadual** dan berdasarkan jawapan yang **anda** berikan dalam borang cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) serta lain-lain pendedahan yang **anda** buat di antara waktu borang cadangan diserahkan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak insurans di antara **anda** dan **kami**. Jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **anda** berikan di peringkat pra-kontrak, boleh menyebabkan **kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **anda**.

   Polisi ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans yang dipersetujui di antara **anda** dan **kami**.

Premium Anda

Sebagai balasan atas penerimaan premium **anda**, **kami** akan menyediakan **anda** perlindungan yang telah **anda** pilih.

Premium **anda** adalah berasaskan kemungkinan tuntutan dibuat di bawah **polisi anda** pada masa hadapan. Apabila **kami** mengira premium **anda**, **kami** menilai pelbagai faktor termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- **kenderaan anda**
- amaun yang diinsurans untuk **kenderaan anda** seperti yang ditunjukkan dalam **jadual anda**
- usia dan jantina pemilik dan pemandu **kenderaan anda**
- lokasi dan alamat di mana **kenderaan anda** disimpan
- kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **anda**.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 1 800 88 6333 **Emel:** customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my (No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Seksyen 1: Kerugian atau Kerosakan pada Kenderaan Anda Sendiri

1. Melindungi

Kami akan melindungi **kenderaan anda** apabila sebarang **kejadian** berlaku dalam **tempoh diinsuranskan** dan menyebabkan kerugian atau kerosakan terhadap **kenderaan anda** seperti yang disenaraikan di bawah:

Peristiwa yang kami lindungi	Amaun Diinsuranskan
• berlanggar atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**	sehingga RM5,000 setiap **kejadian**
• berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**	sehingga RM5,000 setiap **kejadian**
• berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**	sehingga RM5,000 setiap **kejadian**
• kebakaran, letupan atau disambar kilat	**nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** pada masa kerugian berlaku
• pecah masuk, pecah rumah atau kecurian	**nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** pada masa kerugian berlaku

Sekiranya berlaku kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**, jumlah maksimum yang boleh dibayar tidak akan melebihi RM5,000 setiap **kejadian**.

Sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian:
- jika **anda** mempunyai **polisi nilai dipersetujui**, **kami** akan membayar kepada **anda amaun diinsuranskan** seperti yang ditunjukkan dalam **jadual**; atau
- jika **anda** mempunyai **polisi nilai pasaran**, **kami** akan membayar kepada **anda** berdasarkan **nilai pasaran kenderaan anda** yang akan ditentukan pada masa kerugian atau **amaun diinsuranskan** seperti yang ditunjukkan dalam **jadual**, yang mana lebih rendah.

2. Tidak Melindungi

Kejadian yang tidak **kami** lindungi disenaraikan di bawah. Pengecualian ini merujuk kepada Seksyen 1 sahaja.

1. Jenis kerugian atau kerosakan

Kami tidak akan membayar untuk:

i) kerugian turutan
- apa-apa jenis kerugian langsung atau tidak langsung yang terbit turutan daripada sebarang **kejadian**.

ii) kehilangan penggunaan **kenderaan anda**
- apa-apa perbelanjaan atau kerugian kewangan sampingan yang **anda** tanggung kerana tidak dapat menggunakan **kenderaan anda**, contohnya kos menyewa kenderaan gantian, tambang pengangkutan dan sebagainya.

iii) susut nilai atau kehilangan nilai **kenderaan anda**
- susut nilai, contohnya kehilangan nilai **kenderaan anda** akibat kerosakan yang berpunca atau masa yang diambil untuk membaiki **kenderaan**, dan/atau sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkannya:
  - akibat peredaran masa
  - menerusi penggunaan **kenderaan anda**
  - daripada pendedahan **kenderaan anda** kepada unsur alam seperti hujan atau matahari
  - akibat karat atau sebarang bentuk kakisan.

iv) kerosakan atau kepincangan tugas (malfungsi) peralatan
- sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa saja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi **kenderaan anda**.

v) konvulsi alam semula jadi
- sebarang kerugian atau kerosakan pada **kenderaan anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bumi atau konvulsi alam semula jadi yang lain.

vi) kerosakan pada tayar
- sebarang kerosakan pada tayar **kenderaan anda** kecuali jika bahagian-bahagian lain **kenderaan anda** juga turut rosak pada masa yang sama.

vii) kehilangan data elektronik
- kehilangan data elektronik dan sebarang akibat yang timbul daripada keadaan itu, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan virus komputer. Ini termasuk kehilangan penggunaan, fungsi berkurangan atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan data elektronik.

viii) **penipuan** atau **pecah amanah jenayah**
- apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuk kecurian, yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan **penipuan** atau **pecah amanah jenayah** oleh sesiapa sahaja.

ix) **ekses**
- amaun **ekses** yang dinyatakan dalam **jadual** dan ekses wajib yang dinyatakan dalam Seksyen 1(3) Syarat 3. Amaun inilah yang **anda** kena tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan di bawah **polisi** ini.

2. Menyelenggara kenderaan anda

Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:
- **kenderaan anda** tidak berada dalam keadaan dan pembaikan yang kurang baik kerana ia telah:
  - mempunyai sebarang kerosakan yang belum dibaiki
  - karat, kerosakan mekanikal atau kerosakan lain yang menyebabkannya tidak selamat untuk dipandu
- **kenderaan anda** tidak sesuai untuk digunakan di atas jalan raya *(roadworthy)*.

3. Kerosakan masa lalu dan mutu kerja atau pembaikan yang kurang baik

Kami tidak akan membayar untuk:
- kos untuk membetulkan kerosakan masa lalu, contohnya kerosakan lama yang belum dibaiki
- kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada kerosakan masa lalu
- kos untuk memperbaiki **mutu kerja** atau membetulkan pembaikan yang tidak sempurna oleh **anda** atau oleh orang lain
- kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada **mutu kerja** atau pembaikan yang tidak sempurna oleh **anda** atau orang lain.

3. Syarat-Syarat

1. Melapor kepada polis

Anda mesti melaporkan setiap **kejadian** kepada polis.

2. Apa yang kami bayar

Kami membuat keputusan sama ada untuk:
- membaiki **kenderaan anda**;
- membayar **anda** dalam bentuk tunai bagi kerosakan terhadap **kenderaan anda**;
- membayar **anda nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** sekiranya berlaku kebakaran, letupan atau disambar kilat yang berkenaan dengan **polisi anda** jika **kenderaan anda** diisytiharkan sebagai 'tidak berhemat dibaiki' (beyond economical repair);
- membayar **anda nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** sekiranya berlaku pecah masuk, pecah rumah atau kecurian yang berkenaan dengan **polisi anda** jika **kenderaan anda** dicuri dan tidak boleh diperolehi kembali; atau
- mengembalikan atau mengganti **kenderaan anda** dengan kenderaan yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya sekiranya berlaku **kejadian** kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian.

*Untuk butiran lanjut tentang cara **kami** menyelesaikan tuntutan **anda**, **anda** boleh merujuk kepada **Seksyen 8: Tuntutan dan apa yang kami bayar (Asas penyelesaian tuntutan)** daripada **polisi** ini.*

3. Ekses wajib

Selain daripada **ekses** yang dinyatakan dalam **jadual anda**, **kami** akan menolak RM400 lagi sebagai ekses wajib bagi mana-mana satu tuntutan yang timbul di bawah seksyen ini jika **kenderaan anda** dipandu oleh **anda** atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh **anda**:
- adalah di bawah umur 21 tahun;
- memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau
- tidak dinamakan dalam **jadual** sebagai **pemandu dinamakan**.

Walau bagaimanapun, ekses wajib adalah tidak berkenaan jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh:
- kebakaran, letupan atau disambar kilat
- pecah masuk, pecah rumah, kecurian
- kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

5 Seksyen 2: Liabiliti terhadap Pihak Ketiga

1. Melindungi

1. Jenis liabiliti

Kami akan mengganti rugi amaun yang **anda** dan/atau **pemandu yang dibenarkan anda** perlu bayar mengikut undang-undang kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) atas sebab:

i) kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **polisi** ini; dan/atau

ii) kerosakan terhadap harta melainkan harta yang dikecualikan secara khusus di dalam **polisi** ini

akibat **kejadian** yang berpunca daripada penggunaan **kenderaan anda** di **jalan**. Perlindungan ini diperluaskan kepada **pemandu yang dibenarkan anda** dengan syarat **pemandu yang dibenarkan anda** itu mematuhi semua terma dan syarat **polisi** ini.

2. Had liabiliti kami

Kami akan membayar sehingga amaun berikut bagi mana-mana satu tuntutan, atau satu siri tuntutan yang timbul akibat satu **kejadian**, dalam mana-mana satu **tempoh insurans**:

i) tanpa terhad untuk kematian atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga; dan/atau

ii) sehingga RM3 juta had maksimum untuk kerosakan harta pihak ketiga.

3. Perlindungan untuk wakil sah di sisi undang-undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah **polisi** ini, **kami** akan mengganti rugi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi di bawah seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat **polisi** ini.

4. Kos guaman

Jika **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** dihadapkan pertuduhan memandu secara melulu dan berbahaya atau memandu secara cuai atau tidak bertimbang rasa dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau sebarang kesalahan yang berkaitan dengan **kejadian** tersebut, **kami** akan membayar kos guaman yang ditanggung sehingga amaun maksimum RM2,000 kerana membela **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** asalkan kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dan persetujuan bertulis daripada **kami** telah diperoleh terlebih dahulu.

Kami hanya akan membayar kos guaman dan **kami** tidak akan membayar sebarang penalti yang dikenakan terhadap **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda**.

5. Hak tuntut balik

Kami berhak tidak membayar ganti rugi kepada **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** jika antara **anda** telah memungkiri mana-mana syarat **polisi** atau jika tuntutan terkeluar dari skop perlindungan yang **kami** beri di bawah **polisi** ini. Walau bagaimanapun, jika **kami** dikehendaki untuk membayar sebarang jumlah penghakiman *(judgment sum)* berkaitan dengan sesuatu tuntutan di bawah seksyen ini kerana penguatkuasaan undang-undang di Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam, yang jika tidak kerananya **kami** tidak perlu membayarnya, **kami** berhak meminta **anda** dan/atau **pemandu yang dibenarkan anda** membayar balik kepada **kami** amaun yang dibayar itu termasuk sebarang kos yang ditanggung.

2. Tidak Melindungi

Pengecualian berikut adalah khusus untuk Seksyen 2.

Kami tidak akan membayar bagi:

1. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana **penumpang** yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;

2. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan untuk **anda** atau dengan **pemandu yang dibenarkan anda**;

   *Dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, **polisi** ini tidak perlu melindungi, kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa **penumpang** untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau semasa memasuki atau menaiki atau turun dari kenderaan motor pada masa yang sama dengan **kejadian** itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut.*

   ***Semasa dalam tugasan** – Mana-mana orang yang mati atau cedera (sama ada sebagai **penumpang** atau tidak) semasa berada di dalam atau di atas **kenderaan** di mana ini adalah sebahagian daripada tugasnya dengan pihak yang dilindungi, contohnya pencuci kereta, mekanik dan sebagainya.*

3. kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** dan/atau mana-mana **ahli keluarga anda** atau **ahli keluarga pemandu yang dibenarkan anda**;

4. liabiliti kepada mana-mana orang yang dibawa di dalam atau di atas atau memasuki atau menaiki atau turun dari **kenderaan anda** kecuali dia dikehendaki dibawa atas sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** dan/atau majikannya;

   ***Semasa melaksanakan kontrak pekerjaan** – **penumpang** dikehendaki dibawa ke suatu destinasi untuk menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan.*

Liabiliti terhadap penumpang selain daripada:
*a) **penumpang** yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;*
b) pekerja yang sedang melaksanakan kontrak pekerjaan; atau
*c) **ahli keluarga anda** atau **ahli keluarga pemandu yang dibenarkan anda** kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam **kenderaan anda** atas sebab atau dengan tujuan untuk menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan.*

*Dengan bayaran premium tambahan, **polisi anda** boleh diperluaskan untuk melindungi liabiliti ini. **Anda** boleh merujuk kepada susunan kata di **Seksyen 4: Liabiliti dari sisi undang-undang terhadap penumpang** daripada **polisi** ini mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat dalam **polisi** ini.*

5. liabiliti yang disebabkan oleh **penumpang** yang menaiki atau turun dari **kenderaan anda**;

*Dengan bayaran premium tambahan, liabiliti bagi kemalangan yang disebabkan oleh **penumpang anda** boleh diinsuranskan secara berasingan. **Anda** perlu merujuk susunan kata di **Seksyen 4: Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai** daripada **polisi** ini mengenai had perlindungan dan/atau pengecualian dan/atau syarat berkenaan dalam **polisi** ini.*

6. apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **anda** oleh mana-mana pemandu **kenderaan anda**, sama ada dibenarkan atau tidak;
7. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau
8. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

6 Seksyen 3: Manfaat Lain

Apabila **anda** membeli **polisi anda** dengan **kami**, **anda** layak untuk menerima manfaat berikut:

1. Pemandu Tambahan

Pemandu dinamakan
Anda boleh menamakan seberapa banyak **pemandu dinamakan** yang **anda** rasa perlu untuk memandu **kenderaan anda** tanpa sebarang kos tambahan.

2. Bantuan Penundaan

Jika **kenderaan anda** tidak boleh dipandu atau tidak selamat untuk dipandu akibat sebarang kerosakan kepadanya yang melibatkan perlanggaran dan ia perlu ditunda, **kami** akan menyediakan kepada **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** bantuan penundaan:

Melindungi
- bantuan penundaan di dalam Malaysia sahaja
- sehingga maksimum 200 kilometer setiap perjalanan ulang-alik bagi mana-mana satu **kejadian** termasuk caj tol tanpa had yang perlu ditanggung dan wajar untuk memindahkan **kenderaan anda** ke:
  - **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** atau yang terdekat mengikut permintaan **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda**; atau
  - tempat simpanan yang selamat sementara menunggu pembaikan atau pelupusan
- sebarang **kejadian** yang berlaku dan menyebabkan kerosakan terhadap **kenderaan anda** di atas **jalan** seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 10 di **polisi** ini.
- bantuan penundaan disediakan 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Tidak melindungi
- untuk tujuan melupuskan atau menunda **kenderaan anda** dari satu bengkel ke bengkel yang lain
- sebarang saman, kompaun atau denda daripada mana-mana pihak berkuasa dan sebarang yuran letak kereta tidak berbayar yang mungkin ditanggung
- sebarang kos tambahan yang ditanggung oleh **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** berdasarkan kadar pasaran semasa untuk perjalanan penundaan yang melebihi had jarak perbatuan seperti yang dinyatakan di atas.

Syarat-syarat
- **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** mesti menghubungi Am Auto Assist 1 800 88 6333 untuk mengatur bantuan penundaan
- apabila **kami** berhubung dan dapat mengatur keperluan penundaan **anda**, **kami** akan mengatur bagi penundaan ini dari tempat kejadian kemalangan ke balai polis terdekat dan ke **bengkel yang diluluskan** atau ke tempat simpanan yang selamat di dalam jarak yang dinyatakan di atas
- perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat **kejadian**, kemudian penundaan **kenderaan anda** ke **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** mengikut permintaan **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.

7 Seksyen 4: Perlindungan Opsyenal

Berikut adalah senarai perlindungan opsyenal yang ditawarkan yang boleh **anda** tambah kepada **polisi** asas **anda** dengan membayar premium tambahan kepada **kami**. Sila ambil perhatian bahawa hanya perlindungan opsyenal yang dicetak secara khusus dalam **jadual** adalah berkenaan bagi **polisi** ini.

1. Liabiliti dari Segi Undang-Undang Terhadap Penumpang

Melindungi

Kami akan mengganti rugi liabiliti **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** terhadap mana-mana **penumpang** yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **kenderaan anda** kecuali bagi:

- kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana **penumpang** yang dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang;
- kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan untuk **anda** atau untuk **pemandu yang dibenarkan anda**;
- kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** dan/atau mana-mana **ahli keluarga anda** atau **ahli keluarga pemandu yang dibenarkan anda**;
- liabiliti kepada mana-mana orang yang juga **ahli keluarga anda** dan/atau **ahli keluarga pemandu yang dibenarkan anda** yang menjadi **penumpang** di dalam **kenderaan anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dalam atau di atas dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** dan/atau majikannya;
- liabiliti yang disebabkan oleh **penumpang** yang menaiki atau turun dari **kenderaan anda**;
- apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **anda** oleh mana-mana pemandu **kenderaan anda**, sama ada dibenarkan atau tidak;
- apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap mana-mana orang ke mahkamah di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau
- semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat

Jika semasa berlakunya **kejadian** yang membawa kepada tuntutan di bawah **endorsmen** ini, **kenderaan anda** membawa **penumpang** lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **kami** akan dihadkan kepada bilangan **penumpang** yang dinyatakan pada **kenderaan** yang didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jika bilangan **penumpang** yang dibawa di dalam **kenderaan** semasa berlakunya suatu **kejadian** itu lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, **kami** tidak akan membayar tuntutan mereka secara penuh. Sebarang bayaran yang **kami** buat kepada orang yang membuat tuntutan di bawah **endorsmen** ini akan dikurangkan berkadaran dengan nisbah bilangan **penumpang** maksimum dibenarkan oleh undang-undang ke atas jumlah sebenar **penumpang** yang dibawa, pada masa **kejadian**. Perbezaan di antara jumlah yang **kami** bayar dan tuntutan yang akan dibayar kepada setiap **penumpang** yang diinsuranskan yang membuat tuntutan di bawah **endorsmen** ini akan ditanggung oleh **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda**. Bahagian yang **kami** bayar akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah } \textbf{penumpang} \text{ dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar } \textbf{penumpang} \text{ yang dibawa ketika } \textbf{kejadian}} \times \text{Jumlah tuntutan diberikan}$$

2. Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand

Melindungi

Kami akan memperluaskan perlindungan **kami** di bawah Seksyen 1 dan Seksyen 2(1)(1)(ii) **polisi** ini terhadap **kenderaan anda** semasa ianya digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut dibeli pada [*nyatakan tarikh*] hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [*nyatakan tarikh*]. Had liabiliti yang **kami** berikan di bawah Seksyen 2(1)(1)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Syarat-syarat

Manfaat ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen 2(1)(1)(i) semasa **kenderaan anda** digunakan di Negara Thailand.

3. Perluasan Perlindungan ke Kalimantan

Melindungi

Kami akan memperluaskan perlindungan kawasan geografi **kami** di dalam **polisi** ini untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari masa pembelian pada [*nyatakan tarikh*] hingga ke tengah malam pada [*nyatakan tarikh*] tertakluk kepada had liabiliti sebanyak RM50,000 di bawah Seksyen 2(1)(1)(i) dan 2(1)(1)(ii).

4. Liabiliti Penumpang di Sisi Undang-Undang kerana Perbuatan Cuai

Melindungi

Kami akan memperluaskan perlindungan **kami** di bawah Seksyen 2 **polisi** ini termasuk liabiliti di sisi undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana **penumpang** di dalam **kenderaan anda** dengan syarat **penumpang** itu:

- tidak memandu **kenderaan anda**;
- tidak layak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana **polisi** insurans yang lain; dan
- mematuhi semua terma dan syarat **polisi** ini seolah-olah dia ialah **anda**.

Tidak melindungi

Kami tidak akan membayar untuk:

- kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja untuk **anda** atau **penumpang**, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
- kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **anda** atau **penumpang** atau ketika dibawa di dalam **kenderaan anda**; dan/atau
- kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana **penumpang** lain yang berada di dalam **kenderaan anda** dalam masa yang sama.

8 Seksyen 5: Diskaun Tanpa Tuntutan

Seksyen ini menjelaskan sistem ganjaran yang dikenali sebagai 'Diskaun Tanpa Tuntutan' atau 'No Claim Discount' (NCD).

1. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

Jika **anda** telah menginsuranskan **kenderaan anda** selama 12 bulan secara berterusan dan **anda** atau sesiapa yang lain tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap **polisi** ini dalam tempoh tersebut, suatu NCD akan diberikan setiap kali **polisi** diperbaharui. NCD ini akan meningkat setiap tahun **polisi** diperbaharui selagi **anda** terus tidak membuat tuntutan mengikut peratusan berikut:

Insurans bebas tuntutan mengikut tahun	Kelayakan NCD
Selepas 1 tahun berterusan tanpa tuntutan	25%
Selepas 2 tahun berterusan tanpa tuntutan	30%
Selepas 3 tahun berterusan tanpa tuntutan	38 1/3%
Selepas 4 tahun berterusan tanpa tuntutan	45%
Selepas 5 tahun berterusan tanpa tuntutan dan seterusnya	55%

2. Satu Tuntutan dan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda Turun Menjadi Sifar

Jika **anda** atau sesiapa yang lain mengalami **kejadian** yang menyebabkan tuntutan terhadap **polisi** ini, kelayakan NCD yang **anda** telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul NCD **anda** terpaksa dimulakan semula. Jika sesuatu tuntutan diterima selepas NCD diberikan, **kami** berhak menuntut semula daripada **anda** NCD yang telah diberikan.

3. Pengecualian bagi Peraturan Ini

NCD **anda** tidak akan terjejas walaupun tuntutan dibuat jika:

- **kami** berpendapat bahawa **anda** tidak bersalah menyebabkan kerugian tersebut;
- kenderaan yang bersalah itu boleh dikenal pasti dan ia bukan kenderaan yang digunakan untuk membawa **penumpang** bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, contohnya teksi, kenderaan sewa, bas awam, bas henti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa;
- kenderaan yang bersalah itu diinsuranskan oleh syarikat insurans berlesen di Malaysia; dan
- tuntutan berkenaan tidak melibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.

4. Diskaun Tanpa Tuntutan Anda Tidak Boleh Dipindah Milik

NCD adalah hak peribadi **anda** dan ini bermakna jika **anda** menjual **kenderaan anda** dan **kami** bersetuju memindahkan **polisi** ini kepada pemilik baharu, NCD **anda** tidak boleh dipindahkan bagi manfaat pemilik baharu itu.

5. Penarikan Balik NCD

Sepanjang **tempoh diinsuranskan**, jika **anda** ingin menarik balik NCD daripada **polisi** ini, **anda** mungkin perlu membayar premium tambahan kepada **kami** untuk menggantikan NCD yang telah **anda** terima di bawah **polisi** ini.

6. Jika Diskaun Tanpa Tuntutan Tidak Digunakan

Bagi setiap tahun di mana NCD tidak digunakan oleh **anda**, NCD yang terkumpul dan berkenaan di bawah **polisi** ini akan berkurangan setiap tahun ia tidak digunakan mengikut skala tertera di dalam **jadual** di bawah fasal 1 seksyen ini.

Seksyen 6: Syarat-Syarat Am dan Tanggungjawab-Tanggungjawab Anda

1. Syarat-Syarat Am

Syarat-syarat am yang ditetapkan di dalam seksyen ini adalah berkenaan untuk semua perlindungan di bawah **polisi anda**.

1. Rujukan kepada Sistem Penilaian Pasaran kenderaan bermotor

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **amaun diinsuranskan kenderaan anda** pada masa **anda** membeli/ memperbaharui **polisi** ini dan juga **nilai pasaran kenderaan anda** pada masa berlakunya kerugian tersebut.

Apabila tuntutan dibuat, **nilai pasaran kenderaan anda** akan ditentukan oleh ISM Automotive Business Intelligence System dan nilai ini akan diterima sebagai kos pembelian kenderaan gantian yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya pada masa kerugian berlaku.

Jika tiada **nilai pasaran** daripada ISM Automotive Business Intelligence System bagi **kenderaan anda**, **nilai pasaran kenderaan** itu akan ditentukan oleh **Ajuster**, yang dipersetujui oleh **anda** dan **kami**.

Penilaian yang dibuat oleh ISM Automotive Business Intelligence System atau **Ajuster** adalah muktamad berkaitan dengan **nilai pasaran kenderaan anda** di dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap **kami**.

2. Fasal nilai dipersetujui

Nilai dipersetujui yang dinyatakan di dalam **jadual** adalah amaun maksimum yang **kami** akan bayar untuk **kenderaan anda**, setelah ditolak sebarang **ekses** (jika berkaitan) sekiranya **kenderaan anda** dicuri atau musnah sama sekali akibat kebakaran, letupan atau disambar kilat.

Kami dan **anda** telah bersetuju semasa **polisi** ini mula berkuat kuasa bahawa nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat **kami** bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma-terma dan syarat-syarat **polisi** ini. **Nilai pasaran kenderaan anda** pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.

3. Sewa beli

Sekiranya **kenderaan anda** adalah di bawah perjanjian sewa beli dengan syarikat sewa beli yang dinamakan di dalam **jadual** sebagai pemilik, **anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **kami** bayar secara tunai disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian di bawah **polisi** ini akan diberi kepada pemilik selagi mereka kekal menjadi pemilik **kenderaan anda** pada masa berlakunya **kejadian**. Akuan penerimaan daripada pemilik akan membebaskan **kami** daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain, **anda** dianggap sebagai pihak prinsipal di bawah **polisi** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi pemilik dan **anda** tidak menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **anda** di bawah **polisi** ini kepada pemilik. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **anda** di bawah **polisi** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **kami**. Walau bagaimanapun, sebarang pembayaran yang disebabkan oleh perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri** di bawah Seksyen 1(1) **polisi** ini akan dibayar terus kepada **anda**.

4. Pinjaman majikan

Sekiranya **kenderaan anda** diperolehi di bawah perjanjian pinjaman majikan, **anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **kami** bayar secara tunai disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian di bawah **polisi** ini akan dibayar di atas nama majikan yang namanya tercatat di dalam **jadual** selagi pinjaman itu belum dilunaskan pada masa **kejadian** yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada majikan akan membebaskan **kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **kejadian** tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang pembayaran yang disebabkan oleh perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri** di bawah Seksyen 1(1) **polisi** ini akan dibayar terus kepada **anda**.

5. Perjanjian pajakan

Sekiranya **kenderaan anda** diperolehi di bawah perjanjian pajakan dengan syarikat pajakan yang dinamakan di dalam **jadual** sebagai pemberi pajak, **anda** bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang **kami** bayar disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian di bawah **polisi** ini akan dibuat kepada pemberi pajak selagi perjanjian pajakan itu masih sah pada masa berlakunya **kejadian** itu. Akuan penerimaan daripada pemberi pajak akan membebaskan **kami** sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain, **anda** ialah pihak prinsipal di bawah **polisi** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi pemberi pajak dan **anda** tidak menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **anda** di bawah **polisi** ini kepada pemberi pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **anda** di bawah **polisi** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **kami**. Walau bagaimanapun, sebarang pembayaran yang disebabkan oleh perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri** di bawah Seksyen 1(1) **polisi** ini akan dibayar terus kepada **anda**.

6. Subrogasi (mengambil tindakan terhadap pihak lain)

Kami akan berhak mengambil alih kesemua hak dan remedi yang **anda** ada terhadap mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan **kejadian** dan mengakibatkan kerugian dan/atau kerosakan dan **kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam mengendalikan prosiding yang difailkan oleh **kami** dengan perbelanjaan dan kos **kami** sendiri, terhadap pihak ketiga dan dalam penyelesaian atau membela mana-mana tuntutan itu dan **anda** akan memberi apa-apa maklumat dan bantuan yang mungkin **kami** perlu dari semasa ke semasa termasuklah menyerahkan kesemua hak untuk bertindak atas nama **anda**. **Anda** mestilah memberi **kami** kerjasama yang sepenuhnya untuk melindungi hak subrogasi **kami** dan memberikan segala bantuan yang **kami** perlukan.

7. Lebih daripada satu insurans yang melindungi kenderaan yang sama

i) **Anda** mesti memberitahu **kami** secara bertulis jika mempunyai lain-lain insurans yang turut melindungi **kenderaan anda** dalam **tempoh diinsuranskan**

ii) Jika suatu tuntutan dibuat di bawah **polisi** ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh **polisi** insurans lain yang **anda** ambil, **kami** akan hanya membayar bahagian **kami** mengikut nisbah pro rata daripada kerugian atau kerosakan sepenuhnya. **Kami** tidak akan membayar tuntutan terlebih dahulu dan kemudian menuntut balik daripada syarikat insurans lain yang turut juga bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan tersebut.

8. Menyelesaikan pertikaian

Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **polisi** ini yang melibatkan amaun melebihi RM250,000, seorang Penimbang Tara akan dilantik oleh **anda** dan **kami** bersama secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **anda** dan **kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa satu (1) bulan seperti yang dikehendaki, maka **anda** dan **kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut akan kemudian mendengar perselisihan atau pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik bersama. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan dilantik oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000 dan **anda** tidak puas hati dengan tindakan yang diambil oleh **kami** atau keputusan **kami**, **anda** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengurusan Aduan **kami** dan sebagai alternatif, boleh mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)**.

*Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang penyelesaian pertikaian, **anda** boleh merujuk kepada **Seksyen 9: Maklumat lain yang perlu anda ketahui** daripada **polisi** ini.*

9. Percanggahan perkataan dalam susunan kata polisi

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi **polisi** Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia (Melayu) ini pada setiap masa.

2. Tanggungjawab Anda

Apabila **anda** membeli **polisi** daripada **kami** atau membuat tuntutan, **anda** mempunyai tanggungjawab tertentu yang dinyatakan dalam seksyen ini. Tanggungjawab ini juga berkenaan ke atas **pemandu yang dibenarkan anda** dan mana-mana wakil sah di sisi undang-undang yang dilindungi di bawah **polisi** ini. Jika **anda** tidak memenuhi tanggungjawab **anda**, **kami** boleh menolak **polisi** ini dan/atau tidak akan membayar tuntutan **anda** di bawah **polisi** ini.

1. Tanggungjawab anda memberitahu kami

i) Kontrak Insurans Pengguna

Jika insurans yang **anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** berkewajipan mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam borang cadangan (atau semasa **anda** membuat permohonan insurans ini) iaitu, **anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **kami** serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam borang cadangan (atau semasa **anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

ii) Kontrak Insurans Komersial

Jika insurans yang **anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan **kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **anda**.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **kami** serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam borang cadangan (atau semasa **anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

*Jika **anda** memberi penyataan salah tentang mana-mana fakta kepada **kami** sebelum **polisi** berkuat kuasa, contoh-contoh tindakan yang boleh **kami** ambil terhadap **anda** termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:*

- *isytiharkan **polisi anda** sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu **polisi** dianggap tidak sah), dan **kami** boleh tidak pulangkan apa-apa premium yang dibayar kepada **kami**;*
- *batalkan **polisi** tersebut dan pulangkan premium setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut premium yang belum dibayar;*
- *tuntut semula apa-apa kekurangan premium yang tidak dikenakan;*
- *tidak membayar mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah **polisi**; atau*
- *berhak menuntut kembali daripada **anda** jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah **polisi** atau mana-mana tuntutan yang terpaksa **kami** bayar dibawah undang-undang jalanraya, termasuk kos membuat tuntutan.*

2. Bekerjasama

Anda mesti:

- bercakap benar, bersikap jujur dan berterus terang dalam sebarang kenyataan yang **anda** buat kepada **kami**
- bekerjasama sepenuhnya dengan **kami**, walaupun apabila **kami** telah membayar tuntutan **anda**, termasuk:
  - memberi **kami** semua maklumat, dokumen dan bantuan yang **kami** perlukan untuk mengendalikan tuntutan **anda**
  - serta-merta memaklumkan kepada **kami** tentang sebarang makluman yang **anda** terima mengenai apa-apa **kejadian**
  - ditemuramah oleh pihak **kami** atau wakil **kami**
  - hadir di mahkamah untuk memberikan keterangan
- sediakan **kenderaan anda** untuk **kami** membuat pemeriksaan pada setiap masa yang munasabah apabila diminta berbuat demikian.

3. Melindungi kenderaan anda

Kami hanya akan membayar **anda** di bawah **polisi** ini jika langkah yang munasabah telah diambil untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan berlakunya tuntutan. **Polisi** ini tidak akan melindungi **anda** jika **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** memandu secara melulu, contohnya di mana **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** tahu adanya bahaya tetapi dengan sengaja tidak mengambil langkah-langkah mencegahnya. Ini termasuk dan tidak terhad kepada:

- membiarkan **kenderaan anda** tanpa pengawasan semasa ia tidak dikunci
- membiarkan **kenderaan anda** tanpa pengawasan dengan kunci ditinggalkan di dalam atau di atas **kenderaan anda**.

4. Menyelenggara kenderaan anda

Kami hanya akan membayar **anda** di bawah **polisi** ini jika **kenderaan anda** diselenggara secara munasabah supaya cekap dan layak dipandu di jalan raya. **Anda** mesti mendapat kebenaran **kami** jika **anda** membuat sebarang pengubahsuaian yang akan menambah dalam apa juga cara yang akan memberikan kesan terhadap prestasi **kenderaan anda**.

5. Mengelakkan kerugian atau kerosakan lanjut

Jika sesuatu **kejadian** berlaku, segala yang munasabah mesti dilakukan untuk mencegah kerugian atau kerosakan selanjutnya kepada **kenderaan anda**.

6. Pembaikan

Sebarang pembaikan **kenderaan anda** tidak boleh dimulakan atau diluluskan tanpa kelulusan **kami**. Jika **anda** berbuat demikian, maka **kami** boleh memutuskan untuk tidak membayar bagi pembaikan tersebut.

7. Membuat laporan polis

Anda mesti membuat laporan polis bagi sebarang kemalangan jalan raya dalam masa 24 jam atau seperti yang ditetapkan dibawah undang-undang.

8. Lain-lain

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi **anda** di bawah **polisi** ini jika **anda** mematuhi semua terma dan syarat **polisi** ini. **Pemandu yang dibenarkan anda** dan mana-mana wakil sah **anda** yang mahu perlindungan di bawah **polisi** ini juga tertakluk kepada syarat-syarat ini.

10 Seksyen 7: Pengecualian Am

Pengecualian yang dinyatakan dalam seksyen ini adalah berkenaan dengan **polisi anda**. Ini adalah sebagai tambahan kepada pengecualian yang disebutkan dalam Seksyen 1, 2, 3 dan 4 di bawah subjek 'Tidak melindungi'.

1. Kejadian

Kami tidak akan melindungi sebarang kejadian yang berlaku di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali perlindungan diberikan. Di Malaysia, liabiliti **kami** di bawah **polisi** ini tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan terma-terma dan syarat-syarat **polisi** ini sahaja, dan liabiliti **kami** di luar Malaysia tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **polisi** ini sahaja.

*Dengan bayaran premium tambahan, **polisi anda** boleh diperluaskan untuk melindungi penggunaan **kenderaan anda** di Negara Thailand atau Kalimantan sahaja jika **anda** membeli perluasan perlindungan yang ditetapkan. **Anda** boleh merujuk kepada susunan kata **polisi** di **Seksyen 4: Perluasan perlindungan ke Negara Thailand** atau **Kalimantan** dalam **polisi** ini.*

2. Anda dan Pemandu yang Dibenarkan Anda

Kami tidak akan memberi perlindungan jika **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** yang memandu **kenderaan anda**:

i) berada di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga ke tahap tidak dapat mengawal **kenderaan anda** dengan sewajarnya.

> ***Anda*** *atau* ***pemandu yang dibenarkan anda*** *akan dianggap tidak dapat mengawal* ***kenderaan anda*** *dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing* ***anda*** *atau* ***pemandu yang dibenarkan anda*** *adalah lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebanyak 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.*

ii) tidak mempunyai lesen memandu sah untuk memandu **kenderaan**. Syarat ini adalah tidak berkenaan jika **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** mempunyai lesen yang telah luput tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu dibawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang sedia ada.

3. Pemandu yang Tidak Dibenarkan

Kami tidak akan memberi perlindungan bagi mana-mana kejadian, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan oleh, dialami atau ditanggung sewaktu **kenderaan anda**, yang mana indemniti diberikan di bawah **polisi** ini, dipandu oleh mana-mana orang selain daripada **pemandu yang dibenarkan** atau orang yang memandu di bawah arahan **anda** atau dengan **kebenaran anda**.

4. Penggunaan Kenderaan

Kami tidak akan memberi perlindungan sekiranya **kenderaan anda** digunakan:

i) untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang, contohnya melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang sah negara di mana **kenderaan anda** digunakan;

ii) berlatih untuk atau mengambil bahagian dalam sukan permotoran, pertandingan (selain acara mencari harta karun), rali, perentak perlumbaan *(pacemaking)*, ujian keandalan *(reliability trial)*, ujian kelajuan cubaan; atau

iii) di mana-mana litar perlumbaan.

Kami tidak akan memberi perlindungan bagi kerosakan tambahan sekiranya selepas **kejadian** atau kerosakan, **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda**:

- membiarkan **kenderaan anda** tidak dijaga atau gagal mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya untuk mencegah kerugian atau kerosakan selanjutnya
- terus memandu **kenderaan anda** dalam keadaan yang rosak sebelum sebarang pembaikan dilakukan.

5. Tuntutan Palsu Dan Melampau

Jika mana-mana tuntutan **anda** adalah palsu atau yang sengaja dilebih-lebihkan secara menipu, atau jika **anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **anda**, menggunakan cara palsu bagi mendapat sebarang manfaat di bawah **polisi** ini, keseluruhan tuntutan tidak akan dibayar atau berbayar kepada **anda**. Jika **kami** terpaksa juga membuat bayaran bagi sebarang tuntutan kepada pihak ketiga, **kami** berhak menuntut kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa kos yang ditanggung daripada **anda**.

6. Risiko Peperangan

Kami tidak akan melindungi bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti (termasuk kos membela sebarang tindakan) dalam apa juga cara sama ada secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan:

i) peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak), perang saudara, **tindakan keganasan**, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau

ii) mogok, rusuhan, kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan, revolusi atau rampasan kuasa tentera.

7. Risiko Nuklear

Kami tidak akan melindungi bagi apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan terhadap sebarang harta atau sebarang kerugian atau liabiliti berpunca daripada (termasuk kerugian turutan serta kos untuk membela sebarang tindakan) yang berkaitan dalam apa juga cara dengan pengendalian yang menggunakan proses pembelahan atau penggabungan nuklear, atau semasa mengendalikan bahan radioaktif. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

i) penggunaan reaktor nuklear seperti longgokan atom, pemecut zarah atau generator dan alat-alat yang serupa dengannya;

ii) penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif yang berkaitan dengan sebarang **tindakan keganasan**;

iii) penggunaan, pengendalian atau pengangkutan apa-apa senjata atau alat letupan yang menggunakan proses pembelahan atau penggabungan nuklear; atau

iv) penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif.

8. Konvulsi Alam Semula Jadi

Kami tidak akan melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bumi atau konvulsi alam semula jadi yang lain.

9. Liabiliti Berkontrak

Kami tidak akan melindungi apa-apa liabiliti yang berpunca daripada sesuatu perjanjian yang mana **kami** tidak akan bertanggungjawab sekiranya perjanjian tersebut tidak wujud.

10. Klausa Had Sekatan dan Pengecualian

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

11. Klausa Pengecualian Kerugian Siber Terhad (IUA 09-082)

1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam **Polisi** ini, **Polisi** ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
   - 2.1 penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
   - 2.2 pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
   - 2.3 akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
   - 2.4 ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
   - 2.5 sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas;
   - 2.6 sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

11

Seksyen 8: Tuntutan dan Apa yang Kami Bayar (Asas Penyelesaian Tuntutan)

1. Membuat Tuntutan

Langkah 1	**Kumpul maklumat dan buat laporan polis** **Anda** perlu mendapatkan maklumat berikut jika ianya berkaitan dengan **kejadian** itu: i) untuk semua pemandu: • nama penuh dan nombor NRIC; • alamat kediaman; dan • nombor telefon ii) untuk semua kenderaan yang terlibat: • jenis dan model; • nombor pendaftaran; dan • butiran insurans iii) tarikh, masa dan lokasi **kejadian** iv) diskripsi berkaitan **kejadian** **Anda** perlu membuat laporan polis untuk semua kemalangan **jalan** dalam masa 24 jam atau seperti yang diperlukan dibawah undang-undang dan melakukan segala yang diperlukan untuk membantu pihak polis menjalankan siasatan mereka. **Anda** tidak boleh melakukan mana-mana yang berikut: • mengaku bertanggungjawab bagi mana-mana **kejadian** • berunding atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **anda**, melainkan **anda** telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada **kami**.
Langkah 2	**Bantuan kejadian dan penundaan (jika perlu)** **Hubungi Kami Dahulu** dan **kami** sedia berkhidmat 24 jam sehari, 7 hari seminggu: • untuk bantuan menunda jika **kenderaan anda** tidak selamat untuk dipandu • bantuan **kejadian** • untuk senarai **bengkel yang diluluskan** oleh **kami**.
Langkah 3	**Maklumkan tuntutan anda** • hubungi **kami** dan maklumkan tentang tuntutan bagi **kejadian** tersebut dengan butiran di atas: • dalam tempoh tujuh (7) hari jika **anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan **kejadian** tersebut • dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **anda** hilang upaya dari segi fizikal dan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh **kejadian** tersebut • lengkapkan borang tuntutan sepenuhnya dan kembalikannya kepada kami dengan dokumen yang berkaitan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **anda** seperti di atas. **Kami** tidak bertanggungjawab jika terdapat kelewatan di pihak **anda** untuk menyerahkan borang tuntutan yang lengkap berserta dengan kesemua dokumen yang diperlukan. • untuk sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap **anda**, **anda** mesti memberitahu **kami** tentangnya dengan serta-merta dan mesti menghantar kepada **kami** apa-apa pemberitahuan tuntutan, notis pendakwaan atau inkues yang akan berlaku, saman, writ atau sebarang surat daripada peguam tanpa berlengah atau dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.
Langkah 4	**Mentaksir tuntutan anda (jika perlu)** • menghantar **kenderaan anda** kepada mana-mana **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** untuk menilai kerosakan **kenderaan anda** • **anda** mesti mendapatkan persetujuan **kami** secara bertulis sebelum **anda** membaiki **kenderaan anda** atau menanggung sebarang perbelanjaan.
Langkah 5	**Menyelesaikan tuntutan anda** **Kami** mempunyai pilihan untuk menyelesaikan tuntutan **anda** menerusi mana-mana cara berikut: • membaiki **kenderaan anda**; • membayar **anda** dalam bentuk tunai bagi kerosakan **kenderaan anda**; • membayar tuntutan **anda** atas dasar **kerugian menyeluruh** sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian; • mengembalikan atau mengganti **kenderaan anda** dengan kenderaan yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian; • membayar untuk apa-apa kematian, kecederaan badan atau kerosakan harta kepada mana-mana pihak ketiga dan kos guaman yang menjadi tanggungjawab **anda** di sisi undang-undang; dan/atau • membayar perlindungan opsyenal yang telah **anda** tambah kepada **polisi anda**.
Langkah 6	**Ekses** Untuk menyelesaikan tuntutan **anda**, **anda** mesti membayar sebarang **ekses** yang dikenakan.

2. Apa yang Kami Bayar

Jika **kami** bersetuju untuk membayar tuntutan **anda** dan bergantung kepada perlindungan **polisi anda**, **kami** akan:

- menentukan sama ada untuk membaiki **kenderaan anda**, atau membayar **anda** dalam bentuk tunai sehingga RM5,000 setiap **kejadian** bagi kerosakan terhadap **kenderaan anda** sekiranya berlaku perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**
- menentukan sama ada untuk membaiki **kenderaan anda**, atau membayar **anda** dalam bentuk tunai bagi kerosakan terhadap **kenderaan anda**, atau membayar **anda nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** atas dasar **kerugian menyeluruh**, atau mengembalikan atau mengganti **kenderaan anda** dengan **kenderaan** yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya sekiranya disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian
- membayar untuk apa-apa kematian, kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta kepada mana-mana pihak ketiga dan kos guaman yang menjadi tanggungjawab **anda** di sisi undang-undang
- membayar untuk sebarang pilihan opsyenal yang telah **anda** tambah kepada **polisi anda**
- memotong sebarang jumlah yang berkenaan bagi **polisi anda**, contohnya **ekses**.

3. Jumlah Maksimum yang Boleh Kami Bayar

- RM5,000 untuk setiap **kejadian** sekiranya berlaku:
  - berlanggar atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**
  - berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**
  - berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh yang disebabkan oleh **kesalahan sendiri**
- **nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran kenderaan anda** yang ditunjukkan dalam **jadual anda** sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian
- untuk liabiliti pihak ketiga, **kami** akan membayar sehingga amaun berikut bagi mana-mana satu tuntutan, atau satu siri tuntutan yang timbul akibat satu **kejadian**, dalam mana-mana satu **tempoh insurans**:
  - sehingga maksimum RM3 juta bagi kerugian atau kerosakan terhadap harta pihak ketiga
  - jumlah dan kos guaman yang ditentukan bagi kematian atau kecederaan badan
  - kos guaman yang ditanggung sehingga maksimum RM2,000 untuk membela **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** bagi sebarang kesalahan lalu lintas dengan syarat kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam, dan kos ini telah ditanggung dengan persetujuan bertulis **kami**
- untuk tuntutan perlindungan opsyenal di bawah Seksyen 4 **polisi** ini, jumlah paling tinggi yang akan **kami** bayar ialah jumlah maksimum **amaun diinsuranskan** atau amaun yang berkenaan di bawah setiap manfaat.

4. Bagaimana Kami Menyelesaikan Tuntutan Anda

Kami mempunyai pilihan untuk menyelesaikan tuntutan **anda** menerusi mana-mana cara berikut yang **kami** anggap wajar dan sesuai:

1. Membaiki kenderaan anda

Kami akan berurusan dengan **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** untuk membaiki **kenderaan anda** dan membayar kos yang perlu ditanggung untuk memulihkan **kenderaan anda** kepada keadaan sebelum kemalangan (atau seberapa hampir dengan keadaan sebelum kemalangan) dengan sebaik mungkin.

Kenderaan anda mesti dibawa ke **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** supaya **kami** boleh memeriksa **kenderaan anda** sebelum memberikan kelulusan untuk meneruskan pembaikan tersebut atau mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi **kenderaan anda** daripada kerugian atau kerosakan selanjutnya. Kegagalan untuk membawa **kenderaan anda** ke **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** akan melanggar syarat dan **kami** boleh menolak perlindungan di bawah Seksyen 1 dalam **polisi** ini.

Kami akan memastikan terdapatnya **bengkel yang diluluskan** untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada **anda**. Di mana **kami** tidak melantik sebarang **bengkel yang diluluskan** di lokasi tertentu, **kami** akan berikutan **kejadian**:

- membuat pengaturan yang diperlukan untuk membantu **anda** mengakses **bengkel yang diluluskan** oleh **kami** di lokasi yang lain termasuk mengaturkan perkhidmatan menunda tanpa sebarang kos untuk **anda**; atau
- jika perkara di atas tidak dapat dilaksanakan, **kami** akan membenarkan **kenderaan** yang rosak itu dibaiki di bengkel bukan panel yang ditentukan oleh **kami**, dengan syarat bengkel bukan panel itu telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Kenderaan Diluluskan PIAM (PIAM Approved Repairer Scheme atau PARS).

2. Membayar tunai bagi kerosakan kenderaan anda

Kami mempunyai pilihan untuk membayar **anda** dalam bentuk tunai bagi kos pembaikan **kenderaan anda**. **Kami** akan menilai kerosakan **kenderaan anda** untuk menentukan kos pembaikan dan membayar **anda** dalam bentuk tunai.

3. Membayar tuntutan anda sebagai kerugian menyeluruh

Kami mempunyai pilihan untuk memilh cara ini apabila:

- **kami** menganggap kerosakan **kenderaan anda** begitu teruk sehingga ia tidak selamat atau mahal untuk membaiki **kenderaan anda** sekiranya berlaku kebakaran, letupan dan disambar kilat. **Kami** akan mengisytiharkan **kenderaan anda** sebagai **kerugian menyeluruh** ('tidak berhemat dibaiki'); atau
- **kenderaan anda** telah dicuri dan tidak boleh diperolehi kembali.

Jika **kenderaan anda** dimiliki secara sah oleh orang lain, contohnya di bawah syarikat sewa beli, majikan **anda** atau syarikat pajakan dan pemilik sah dinamakan dalam **polisi anda**, **kami** boleh membayar tuntutan bagi **kerugian menyeluruh** terus kepada pemilik sah yang dinamakan. Resit daripada syarikat sewa beli, majikan **anda** atau syarikat pajakan **anda** akan melepaskan **kami** sepenuhnya daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi kerugian atau kerosakan terhadap **kenderaan anda**.

4. Mengembalikan atau mengganti kenderaan anda

Kami boleh memilih untuk mengembalikan atau mengganti **kenderaan anda** dengan **kenderaan** yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya sekiranya berlaku kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian. Jika **kami** menggantikan **kenderaan anda**, **polisi** ini akan ditamatkan secara automatik setelah **kami** membuat pembayaran.

*Dalam kes di mana jurang perbezaan penilaian **nilai pasaran** oleh pemegang francais lebih daripada 10%, **kami** juga mempunyai pilihan menawarkan amaun bersamaan dengan kos mengganti **kenderaan anda** dengan **kenderaan** yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya dan umurnya pada masa kerugian berlaku. Pilihan untuk menawarkan gantian **kenderaan** masih dipegang oleh **kami**, jika **anda** tidak setuju dengan tawaran ini.*

Fasal-fasal berikut adalah berkenaan dengan Seksyen 8(4)(1,2,3 dan 4) apabila **kami** membayar tuntutan **anda**:

Nilai dipersetujui

Jika **kenderaan anda** 'tidak berhemat dibaiki' (beyond economical repair) atau dicuri dan tidak diperolehi kembali, jumlah yang perlu dibayar di bawah **polisi** ini ialah **amaun diinsuranskan** yang ditunjukkan dalam **jadual**.

Nilai pasaran

Jika **kenderaan anda** 'tidak berhemat dibaiki' atau dicuri dan tidak diperolehi kembali, jumlah yang perlu dibayar di bawah **polisi** ini ialah **nilai pasaran kenderaan anda** pada masa kerugian atau **amaun diinsuranskan** seperti yang ditunjukkan dalam **jadual**, yang mana lebih rendah.

Insurans terkurang

Jika **amaun diinsuranskan** bagi **kenderaan anda** didapati kurang daripada **nilai pasaran** pada masa berlakunya kerugian, **kami** akan hanya menanggung sebahagian kerugian setimpal dengan perbezaan di antara **nilai pasaran** dan **amaun diinsuranskan** mengikut formula di bawah:

$$\frac{\textbf{amaun diinsuranskan}}{\textbf{nilai pasaran}} \times \text{kerugian tertaksir}$$

Bakinya hendaklah ditanggung oleh **anda** sendiri. Walau bagaimanapun, denda ini hanya akan dikenakan jika **amaun insurans** yang terkurang melebihi 10% daripada **nilai pasaran**.

5. Membayar untuk apa-apa kematian atau kecederaan badan kepada mana-mana pihak ketiga dan kos guaman yang menjadi tanggungjawab anda di sisi undang-undang

Kami akan membayar sebarang tuntutan yang timbul daripada liabiliti yang mungkin ditanggung oleh **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** bagi apa-apa kematian, atau kecederaan badan kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh atau timbul daripada penggunaan **kenderaan anda**.

Kami berhak memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **anda** oleh mana-mana orang lain, di atas nama **anda**, nama **pemandu yang dibenarkan anda** dan/atau bagi pihak **anda**. Jika pada hemat **kami**, tuntutan pihak ketiga yang dibuat terhadap **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** bagi kerosakan harta akan melebihi had liabiliti sebanyak RM3 juta, **kami** akan membayar amaun penuh liabiliti **kami** kepada **anda** atau pihak ketiga dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pembelaan, penyelesaian atau prosiding seterusnya kepada **anda**. Selepas berbuat demikian, **kami** tidak lagi bertanggungjawab di bawah **polisi** ini untuk membuat apa-apa bayaran lagi kepada **anda** atau mana-mana pihak yang menuntut atau mana-mana orang yang berkaitan dengan **kejadian** yang sama.

*Syarat-syarat di atas juga dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang ingin membuat tuntutan di bawah terma **polisi** ini. "Sesiapa sahaja" boleh merujuk kepada wakil peribadi atau pentadbir/harta pusaka pemegang **polisi**.*

5. Apa yang Berlaku Kepada Kenderaan Anda

1. Kenderaan diperolehi kembali

Jika **kami** menyelesaikan tuntutan **anda** sebagai kenderaan dicuri yang kemudian diperolehi kembali, maka **kami** akan mengambil alih pemilikan **kenderaan anda** yang diperolehi kembali.

2. Kenderaan rosak

- jika **kami** menyelesaikan tuntutan **anda** untuk alat yang rosak di dalam **kenderaan anda**, maka ia menjadi harta **kami** melainkan **kami** membenarkan **anda** mengekalkan pemilikannya
- jika **kami** menyelesaikan tuntutan **anda** atas dasar **kerugian menyeluruh**, **kami** akan mengambil alih pemilikan **kenderaan** tersebut.

6. Alat Ganti yang Digunakan Untuk Membaiki Kenderaan Anda

1. Penggantian alat-alat ganti

Jika alat ganti atau **aksesori** yang diperlukan untuk membaiki **kenderaan anda** tidak terdapat di Malaysia, atau sekiranya **kami** memilih untuk membayar kerugian atau kerosakan tersebut secara tunai, **kami** akan selesaikan tuntutan **anda** berdasarkan berikut:

- mengikut senarai harga terakhir yang dikeluarkan di Malaysia oleh pengilang atau ejen mereka. Jika senarai harga tidak wujud di Malaysia, **kami** akan menggunakan harga di kilang pengeluaran dan ditambah dengan kos pengangkutan yang munasabah ke Malaysia (tetapi bukan kos kargo udara); dan
- kos buruh yang munasabah untuk memasang alat ganti atau **aksesori** di Malaysia.

2. Penambahbaikan (Betterment)

Jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki **kenderaan anda** dan ini menyebabkan **kenderaan anda** berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku, **anda** diperlukan menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut. Skala sumbangan **anda** adalah berdasarkan seperti berikut:

Umur kenderaan (tahun)	Kadar penambahbaikan
Kurang daripada 5	0%
5	15%
6	20%
7	25%
8	30%
9	35%
10 dan ke atas	40%

Kadar penambahbaikan yang diguna pakai akan ditentukan oleh umur **kenderaan anda** yang akan dihitung berdasarkan pada tahun asal ia didaftarkan di Malaysia:

sebagai kenderaan tempatan	tarikh pendaftaran asal
sebagai kenderaan baharu import unit siap dipasang (CBU)	tahun buatan
sebagai kenderaan import terpakai / telah digunakan / disesuaikan semula	tahun buatan

7. Bahagian Tidak Rosak

Kami tidak membenarkan kerja pembaikan kepada bahagian **kenderaan anda** yang tidak rosak untuk mewujudkan penampilan sekata, contohnya jika **kejadian** menyebabkan kerosakan kepada panel kanan, maka **kami** hanya akan membayar untuk menyembur semula panel kanan. **Kami** tidak akan membayar kos menyembur semula bahagian lain **kenderaan** tersebut.

12 Seksyen 9: Maklumat Lain yang Perlu Anda Ketahui

1. Perubahan yang Boleh Anda Buat

Anda boleh membuat perubahan kepada **polisi anda** atau membuat keputusan untuk membatalkannya.

1. Anda boleh mengubah polisi anda

Apabila perubahan dibuat kepada **polisi anda**, **anda** mungkin perlu membayar premium tambahan kepada **kami** atau **kami** mungkin akan memulangkan sebahagian daripada premium kepada **anda**. **Endorsmen** akan diberikan kepada **anda** dan ia membentuk sebahagian daripada **polisi** ini.

2. Anda mengubah maklumat hubungan anda

Jika **anda** menukar maklumat hubungan **anda**, contohnya alamat surat menyurat, nombor telefon dan sebagainya, maka **anda** mesti memberitahu **kami** serta-merta secara bertulis untuk membolehkan **kami** mengemaskinikan rekod **kami** dan menghantar **dokumen polisi** ke alamat yang ditetapkan **anda**. **Kami** akan menghantar semua **dokumen polisi** ke alamat dalam rekod **kami** dan dokumen dianggap sebagai telah **anda** terima.

3. Anda ingin membatalkan polisi anda

- **anda** boleh membatalkan **polisi** ini apabila **anda** menjual **kenderaan anda** atau **polisi anda** tidak diperlukan lagi
- **anda** boleh membatalkan **polisi** ini pada bila-bila masa dengan mengembalikan **Sijil Insurans (CI)** kepada **kami** atau, jika **CI** itu telah hilang atau musnah, **anda** mesti kemukakan kepada **kami** Akuan Berkanun *(Statutory Declaration (SD))* yang telah diperakui dengan sewajarnya untuk mengesahkan hal ini

- selepas mengembalikan **CI** atau SD, **anda** layak mendapat bayaran balik sebahagian premium sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum pembatalan. Bahagian yang akan dikembalikan kepada **anda** adalah perbezaan antara premium penuh yang telah dibayar dan kadar jangka pendek biasa **kami** yang dikira bagi tempoh **kami** mula menanggung risiko hingga tarikh **kami** menerima **CI** atau SD:

Tempoh diinsuranskan	Kadar bayaran balik premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	bayaran balik premium tidak dibenarkan

- **polisi** ini akan luput secara automatik sebaik sahaja **anda** menjual atau melupuskan **kenderaan anda** kerana kepentingan boleh insurans **anda** untuk **kenderaan** itu akan tamat. Jika **anda** mahu memindahkan **polisi** ini kepada pembeli yang baharu, **anda** mesti mendapat persetujuan **kami** terlebih dahulu.

2. Perubahan yang Boleh Kami Buat

1. Kami boleh membatalkan polisi anda

- **kami** juga boleh membatalkan **polisi** ini dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada **anda** secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir **anda** dalam rekod **kami**
- selepas mengembalikan **CI** atau SD, **anda** layak mendapat bayaran balik premium bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan dikira secara pro rata dari tarikh **kami** menerima **CI** atau SD daripada **anda** hingga ke tarikh luput **polisi**.

Untuk fasal-fasal 1(3) dan 2(1) di bawah seksyen seperti yang tertera di atas, tidak akan ada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan **polisi** (sama ada oleh **anda** atau **kami**) sekiranya **anda** telah membayar **premium minimum** sahaja atau jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **polisi** ini.

3. Notis Penting

1. **Anda** perlu membaca **polisi** ini dengan teliti, dan jika sebarang kesilapan atau keterangan tidak betul didapati di dalam ini, atau jika perlindungan adalah tidak menurut kehendak **anda**, **anda** hendaklah memaklumkan kepada **kami** serta-merta dan memulangkan **polisi** ini kepada **kami** untuk pindaan.

2. Jika **anda** tidak berpuas hati dengan tindakan yang **kami** ambil atau keputusan yang **kami** buat, **anda** boleh mengambil tindakan menerusi Unit Pengendalian Aduan **kami** dan secara alternatif, boleh mengemukakan laporan dan mendapatkan bantuan daripada **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)** atau menghubungi BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Bank Negara Malaysia di alamat di bawah:

Unit Pengendalian Aduan
Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan,
Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel : +603-2268 3333
atau 1800 88 6333
Faks : +603-2268 2222

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577

BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2698 8044 (General Line) /
1 300 88 5465 (BNMLINK)
Faks : 03-2174 1515
e-Link : bnmlink.bnm.gov.my
Emel : bnmlink@bnm.gov.my
Laman Web : www.bnm.gov.my

13 Seksyen 10: Definisi-Definisi

Kami telah memberikan makna khas kepada kata-kata berikut yang dicetak dalam huruf tebal di **polisi** ini:

Aksesori	Alat-alat standard yang telah dipasang di kilang pada **kenderaan** termasuk penyaman udara dan tayar ganti gentian dan mungkin termasuk radio / pemain kaset / pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam **jadual polisi**.
Tindakan keganasan	Sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan dilakukan bagi tujuan atau sebab-sebab politik, agama, ideologi atau bagi tujuan lain yang serupa termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam, atau mana-mana seksyen awam, berada dalam ketakutan.
Ajuster (Adjuster)	Orang atau entiti yang berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang **kami** lantik untuk menyiasat sebab dan keadaan berlakunya kerugian dan untuk menentukan amaun kerugian.
Nilai dipersetujui	**Nilai dipersetujui** ialah amaun yang **kami** persetujui untuk menginsuranskan **kenderaan anda** dan amaun itu ditunjukkan dalam **jadual**.
Bengkel yang diluluskan	Ini bermaksud: a. bengkel membaiki kenderaan yang dilantik oleh **kami** sebagai bengkel panel yang diluluskan; atau b. mana-mana bengkel bukan panel yang **kami** telah memberikan **anda** kebenaran khas untuk menggunakannya; untuk membuat tuntutan.
Kesalahan sendiri	Kemalangan melibatkan perlanggaran yang disebabkan oleh **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda**, dan **anda** atau **pemandu yang dibenarkan anda** telah disaman oleh pihak polis. Sekiranya terdapat kesangkalan terhadap kemalangan tersebut, **kami** mempunyai pilihan untuk membuat keputusan.
Pemandu yang dibenarkan	Sesiapa yang memandu **kenderaan anda** dengan kebenaran atau izin **anda** dengan syarat dia mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis **kenderaan** yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk memandu dari segi undang-undang atau atas sebab-sebab lain.
Sijil Insurans (CI)	Sijil ini telah ditetapkan bentuknya yang perlu **kami** berikan **anda** dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan ia menggariskan syarat-syarat yang tertakluk kepada **polisi** yang dikeluarkan.
Penipuan	Ia mengikut maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 (Penal Code) seperti berikut: Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama: a. dengan penipuan atau dengan ketidakjujuran mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau b. dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan 'menipu'.
Pecah amanah jenayah	Ia mengikut maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 (Penal Code) seperti berikut: Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan 'pecah amanah jenayah'.

Endorsmen	Dokumen yang **kami** keluarkan kepada **anda** untuk mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi **polisi** asas.
Ekses	Amaun pertama yang **anda** terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan. Amaun **ekses** ini disebut dalam **jadual**. **Anda** mesti menanggung **ekses** tersebut tanpa mengira siapa yang bersalah di dalam **kejadian** itu.
Ahli keluarga	Semua **ahli keluarga anda** atau **ahli keluarga** terdekat **pemandu yang dibenarkan anda**, contohnya suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah di sisi undang-undang, ibu bapa, abang, kakak dan adik-beradik yang tinggal di bawah satu bumbung dan yang mempunyai alamat residensi yang sama.
Kejadian	Sebarang peristiwa yang berlaku yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat di bawah **polisi** ini.
Had penggunaan	Mengikut **Sijil Insurans (CI) anda**, **kenderaan anda** hanya boleh digunakan untuk 'sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang polisi' yang dikemukakan oleh **anda**. **CI** juga menyatakan bahawa '**polisi** tidak melindungi penggunaannya bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, perlumbaan, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*), ujian kelajuan cubaan, membawa barang selain sampel berkaitan dengan mana-mana urus niaga atau perniagaan'.
Sistem Penilaian Pasaran	Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **nilai pasaran kenderaan anda** pada masa **anda** membeli/memperbaharui **polisi** ini dan juga pada masa kerugian berlaku. **Anda** boleh memilih untuk menggunakan penilaian yang disyorkan oleh sistem ini sebagai **amaun diinsuranskan** untuk mengelak akibat insurans terkurang seperti yang dihuraikan di dalam Seksyen 8(4). Sebagai alternatif, **anda** boleh memilih untuk menentukan **amaun diinsuranskan** sendiri tetapi **anda** akan tertakluk kepada Seksyen 8(4) jika **anda** mengalami insurans terkurang.
Nilai pasaran	Kos munasabah untuk membeli sebuah kenderaan lain yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya serupa dengan **kenderaan anda** semasa berlaku kerugian. **Nilai pasaran kenderaan anda** pada masa kerugian akan ditentukan mengikut terma yang **anda** telah pilih semasa **anda** membeli **polisi** ini. Jika **anda** telah memilih **Sistem Penilaian Pasaran** untuk menentukan **amaun diinsuranskan**, maka **nilai pasaran** akan ditentukan mengikut sistem penilaian seperti yang dihuraikan di definisi **Sistem Penilaian Pasaran**. Walau bagaimanapun, jika **anda** tidak memilih **Sistem Penilaian Pasaran**, maka **nilai pasaran kenderaan anda** jika berlaku pertikaian akan ditentukan oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais **Kenderaan** dan nilai ini mesti bersamaan dengan kos membeli kenderaan gantian yang sama buatannya, modelnya dan umurnya dengan **kenderaan anda** semasa berlakunya kerugian. Sekiranya penilaian ini tidak dapat diperolehi atau pada pendapat **kami** terlalu rendah atau tinggi, maka penilaian ini akan ditentukan oleh **Ajuster** yang berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dipersetujui oleh **anda** dan **kami**.
Premium minimum	Premium minimum yang dinyatakan di dalam **Jadual**.
Pemandu dinamakan	Orang yang dinamakan di dalam **polisi** yang dibenarkan oleh **anda** untuk memandu **kenderaan anda**.
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)	Sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian tertentu antara **anda** dengan **kami** di bawah **polisi** ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah.
Penumpang	Mana-mana orang yang dibawa di dalam/atas **kenderaan anda**; yang bukan pemandu **kenderaan**.
Tempoh diinsuranskan	Tempoh yang disebut di dalam **jadual** bila perlindungan yang diberikan oleh **polisi** ini berkuat kuasa. Perlindungan hanya sah dari waktu sebenar **polisi insurans** dibeli atau dari masa **anda** dan **kami** bersetuju bila perlindungan patut bermula.
Polisi	**Polisi** termasuk: • **Jadual** • **Sijil Insurans (CI)** • semua **Endorsmen** yang dilampirkan kepada **polisi** • susunan kata **Polisi** • pendedahan **anda** semasa membuat permohonan insurans dan/atau sebarang pendedahan selanjutnya.

Dokumen polisi	Semua surat dan notis berkaitan **polisi anda**, contohnya **jadual**, **CI**, notis pembaharuan, pembatalan dan tuntutan.
Jalan	Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrif '**Jalan**' sebagai 'mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberikan kesan sepenuh kepada penggunaannya'.
Jadual	Dokumen ini menyatakan nama dan alamat **anda**, **tempoh diinsuranskan**, seksyen-seksyen **polisi** ini yang berkuat kuasa, premium yang **anda** telah bayar, **kenderaan** yang diinsuranskan, **amaun diinsuranskan** dan perincian sebarang perluasan atau **endorsmen**.
Amaun diinsuranskan	Amaun maksimum yang akan **kami** bayar kepada **anda** untuk tuntutan di bawah Seksyen 1 dan 3 di **polisi** ini. Amaun ini ditunjukkan dalam **jadual**. **Amaun diinsuranskan** mestilah cukup untuk menampung kos untuk menggantikan **kenderaan anda** sekiranya berlaku **kejadian** yang memusnahkannya sama sekali atau jika **kenderaan anda** dicuri dan tidak diperolehi kembali.
Kerugian menyeluruh	Apabila **kami** membuat keputusan bahawa **kenderaan anda** 'tidak berhemat dibaiki' akibat kebakaran, letupan dan disambar kilat atau apabila **kenderaan anda** telah dicuri dan tidak diperolehi kembali dan **kami** membuat keputusan untuk membayar **anda nilai dipersetujui** atau **nilai pasaran** yang berkenaan bagi **polisi anda** atau menggantikan **kenderaan anda** dengan **kenderaan** yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya.
Kami	Liberty General Insurance Berhad
Mutu kerja	Kemahiran dan pengetahuan yang digunakan untuk membaiki kerosakan dan menggambarkan kualiti dan kebolehpercayaan pembaikan. Kos alat-alat adalah dikecualikan.
Anda	Pemegang **polisi** atau pihak yang namanya dicatat di dalam **jadual** sebagai 'The Insured'.
Kenderaan / Kenderaan anda / Kereta	**Kenderaan** bermotor dinyatakan dalam **jadual** dan termasuk pilihan piawai pengeluar dan **aksesori** yang dipasang padanya dan sebarang pilihan atau ciri bukan piawai yang disenaraikan secara khusus dalam **jadual**.